

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

RPW 521 Perancangan Pengangkutan

Masa : (3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawas EMPAT soalan sahaja.

1. Metodologi kajian pengangkutan untuk beberapa bandar di Malaysia adalah berbeza. Bincangkan perbezaan dan persamaan metodologi kajian pengangkutan untuk dua bandar yang anda ketahui.

(25 markah)

2. Penyediaan pelan pengangkutan berintegrasi melibatkan beberapa agensi yang mempunyai tugas seperti berikut:

- (a) perancangan.
- (b) perlesenan.
- (c) penguatkuasaan.

Bincangkan.

(25 markah)

3. Polisi dan strategi pengangkutan bandar di Malaysia untuk jangka pendek dan jangka panjang, antara lainya adalah untuk meningkatkan kualiti perjalanan bandar. Bincangkan.

(25 markah)

...2/-

4. Bincangkan dua daripada perkara berikut:

- (a) Evolusi pengangkutan awam.
- (b) Pengswastaan sistem pengangkutan.
- (c) Akta pengangkutan, sistem perancangan dan Akta-Akta Alam Sekitar berkaitan dengan sistem pengangkutan.
- (d) Sistem Transit Laju.

(25 markah)

5. Apakah yang dimaksudkan dengan struktur bandar?.
Tunjukkan bagaimana integrasi sistem pengangkutan dengan struktur bandar dapat dicapai khususnya di:

- (a) Kawasan kediaman.
- (b) Pusat bandar.

(25 markah)

6. Unjuran sistem pengangkutan iaitu permintaan perjalanan melibatkan beberapa peringkat dan formula. Peringkatnya ialah: Pengeluaran perjalanan, agihan perjalanan, 'modal split' dan penugasan lalulintas. Di antara formulanya ialah: linear regresi, kadar pengembangan, model graviti, model fratar, model furness dan berbagai lagi.

Berdasarkan keadaan hipotetikal, bincangkan cara pemakaian formula model kategori analisis atau Linear Regresi untuk menentukan permintaan perjalanan di sesuatu kawasan. Bincangkan kesesuaian model tersebut.

(25 markah)

7. Huraikan dua daripada perkara-perkara berikut:

- (a) Pengurusan lalulintas.
- (b) Sistem pengangkutan berkomputer.
- (c) Perjalanan ke sekolah di pusat bandar.

(25 markah)